

Temubual bersama Dr Chua Ai Lin



Dr Chua Ai Lin (kanan) bersama Encik Chua Yong Liang (kiri) semasa lawatan oleh Persatuan Warisan Singapura pada 2019 (gambar diambil sebelum COVID-19)

Apakah yang telah mencetus minat anda untuk menyokong pemuliharaan warisan di Pulau Ubin?

Pulau Ubin merupakan pulau luar pesisir terakhir yang didiami oleh penduduk di Singapura! Pulau luar pesisir yang lain telah diserahkan kembali untuk kegunaan industri dan tidak boleh dikunjungi oleh orang awam. Saya masih ingat ketika mengembara ke Pulau Ubin dua puluh tahun yang lalu dengan menaiki belakang sebuah trak terbuka, yang juga merupakan pengangkutan untuk para pengunjung pada masa itu, dan melawat sebuah tokong Siam besar yang sudah tiada lagi di sana. Walau bagaimanapun, selepas dua dekad, saya gembira pulau tersebut masih kekal berbeza daripada bandar Singapura, dengan keadaan santai serta landskap budaya yang kaya. Saya kagum menyaksikan ribuan pelawat dari bandar Singapura menghadiri Pesta Tua Pek Kong Pulau Ubin, sempena menyambut ulang tahun tokong tersebut yang ke-150 pada tahun 2019. Saya berharap Ubin terus mengekalkan perwatakannya yang unik.

Apakah perubahan yang telah anda lihat di Pulau Ubin sepanjang beberapa tahun yang lalu, dan apakah yang anda harap akan dilihat di Pulau Ubin dalam masa sepuluh tahun?

Dari tahun 1980-an, perwatakan Ubin mula beralih daripada sebuah pulau untuk orang bekerja dan tinggal, kepada sebuah kawasan rekreasi luar dan alam semula jadi untuk para pelawat, dengan rancangan pembandaran dalam jangka masa panjang. Mujurlah, penubuhan Projek Ubin oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Friends of Ubin Network (FUN) pada tahun 2014 telah membantutkan rancangan tersebut. Dalam masa sepuluh tahun, saya berharap Pulau Ubin akan sekali lagi menjadi tempat tinggal bagi warga Singapura yang mahukan gaya hidup yang harmoni dengan alam semula jadi, dengan rangkaian keluarga berbilang generasi yang kukuh dari Ubin sebagai penjaga warisan kehidupannya.

For more information on Pulau Ubin, visit www.nparks.gov.sg/pulau-ubin or contact us at nparks_pulau_ubin@nparks.gov.sg



Dr Chua Ai Lin (kiri bawah) bersama pasukan Persatuan Warisan Singapura dan peserta lawatan di Gerai Minuman Ah Ma semasa Hari Ubin, tahun 2019 (gambar diambil sebelum COVID-19)

Sebagai anggota Friends of Ubin, bagaimanakah anda menyumbang untuk mengekalkan warisan kehidupan di Pulau Ubin?

Melalui mesyuarat secara kerap, Persatuan Warisan Singapura — yang saya wakili — bertukar-tukar pengetahuan dan saranan, bekerjasama dengan anggota dan agensi FUN yang lain serta, yang paling penting, sentiasa memantau tindakan susulan dalam jangka panjang.

Dengan merujuk kepada wawasan Projek Ubin, apakah yang ingin anda katakan kepada generasi warga Singapura yang akan datang tentang Ubin?

Ayah kita hormati dan ambil inspirasi daripada penduduk dan warisan Ubin. Untuk meneruskan wawasan bersama kita untuk memulihara Ubin sebagai sebuah tempat yang istimewa, berbeza daripada kawasan bandar Singapura yang lain, kita harus memandang daripada perspektif kehidupan di pulau ini, yang mungkin amat berbeza daripada andaian kita sebagai penduduk bandar Singapura.

Ubin Tides



Membina Semula Rumah No. 22-E

Jawatankuasa Perundingan Rakyat Siglap telah memulakan sebuah projek masyarakat untuk membina semula Rumah No. 22-E, sebuah rumah kampung Melayu di Pulau Ubin. Projek tersebut diketuai oleh para pemimpin akar umbi Jawatankuasa Perundingan Rakyat dan pasukan sukarelawan, yang terdiri daripada seorang ahli sejarah seni bina, seorang arkitek, jurutera profesional, seorang Pakar Reka Bentuk untuk Keselamatan dan seorang siswazah seni bina.

Rumah No. 22-E dipilih untuk pembinaan semula kerana sejarahnya yang kaya. Rumah No. 22-E, yang kini tidak lagi berpenghuni, dibina pada tahun 1982 dengan rangka struktur daripada sebuah rumah lama di Kampong Darat Nenas. Rangka struktur ini dibawa ke Pulau Ubin melalui sampan. Bahan kayu yang digunakan untuk Rumah No. 22-E ini ialah tiang chengal dan kapur untuk seluruh rumah. Pada tahun 2012, Rumah No. 22-E juga telah menjalani kerja-kerja mengecat semula.



Dengan memulihkan semula rumah kampung ini kepada keadaan asalnya, diharap masyarakat kita, khususnya generasi muda, dapat mengunjungi tempat ini dan terus menghargai warisan kita, khususnya cara hidup kampung. Rumah ini akan berfungsi sebagai sebuah pameran rumah kampung Melayu, ruang masyarakat untuk penduduk kita dan orang awam, dan tempat untuk acara masyarakat.

Malangnya, memandangkan keadaan rumah ini telah menjadi semakin reput tahun demi tahun, rumah ini tidak lagi kukuh dari segi struktur dan terpaksa dirobohkan pada awal tahun 2021. Rumah No. 22-E akan menjalani kerja-kerja pembinaan semula dan dibangunkan mengikut reka bentuk asalnya tidak lama lagi.

Artikel ini disumbangkan oleh Pejabat Kawasan Ubi Siglap.



Rumah No. 22-E pada bulan Jun, 2017



Rumah No. 22-E pada bulan Februari, 2021, sebelum dirobohkan (Kredit gambar: Pejabat Kawasan Ubi Siglap)



Share your love for nature and animals at #NParksBuzz #AnimalBuzzSG

Meningkatkan Respons Memadamkan Api

Sejak pelantikan NParks sebagai agensi pengurusan pusat bagi Pulau Ubin pada pertengahan tahun 2016, kami telah berusaha untuk meningkatkan keupayaan responden pertama sekiranya berlaku kebakaran. Selain mengenal pasti kawasan-kawasan genting serta menjalankan sesi perbincangan dan latihan kerahan darat secara kerap dengan Pasukan Pertahanan Awam Singapura, kami telah memasang alat pemadam api di kawasan penduduk kampung Ubin serta di semua tempat perlindungan dan tandas awam. SCDF juga telah mengadakan sesi demonstrasi penggunaan alat pemadam api untuk penduduk kampung. Selain usaha ini, kami sedang memulakan projek untuk mengukuhkan infrastruktur memadamkan api di pulau ini.




Rangkaian Pili Bomba dan Gelung Hos

Rangkaian Pili dan gelung hos baru akan dipasang di Kampung Utama, Makmal Kehidupan Ubin dan Kampong Sungai Durian untuk menyediakan responden pertama dalam kalangan masyarakat dan juga SCDF dengan infrastruktur memadamkan api yang lebih baik. Rangkaian di Kampung Utama dan Makmal Kehidupan Ubin akan menimba air untuk memadamkan api dari kuari berdekatan, manakala rangkaian gelung hos di Kampong Sungai Durian akan mempunyai tangki airnya sendiri.



Lokasi Kampung Utama Ubin, Makmal Kehidupan Ubin, Kampong Sungai Durian dan kuari yang berfungsi sebagai sumber air untuk memadamkan api



Senario memadamkan api biasa di Kampung Utama (Imej ihsan Adlak)



Senario Memadamkan Api

Sekiranya berlaku kebakaran, responden pertama daripada anggota masyarakat akan mencari kotak gelung hos yang terdekat dan cuba memadamkan api sehingga anggota bomba SCDF tiba dan mengambil alih. Pam mudah alih boleh disambungkan ke pili agar lebih mudah capai ke kawasan lain.

Menyantuni dan Melibatkan Penduduk Kampung

Sebagai sebahagian daripada responden pertama masyarakat yang penting, selain kakitangan NParks dan pekerja kontrak yang ditugaskan di Ubin, penduduk para penduduk kampung di pulau ini juga diminta untuk menentukan lokasi gelung hos. Dengan cara ini, NParks memastikan peningkatan infrastruktur memenuhi keperluan masyarakat. NParks akan terus bekerjasama dengan penduduk kampung dalam projek ini dan dengan SCDF untuk latihan menggunakan gelung hos.

